

CNS3421

U GB 28-12 00195 BA481

aab

DASAR PELABURAN ASING YANG LIBERAL DITERUSKAN

Mahathir - Kapal ''

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

1

ULSAN (Korea Selatan), 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan keazaman beliau untuk melihat Malaysia muncul sebagai sebuah negara perindustrian sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Beliau berkata strategi-strategi yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) yang menggarisi rancangan-rancangan pembangunan negara untuk dilaksanakan dalam dekad akan datang boleh mencapai kejayaan.

-Ini kerana ianya dilandaskan kepada kejayaan lampau dan keadaan sekarang dengan saripatinya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang, kukuh dan berdaya saing.

Ketika berucap pada majlis menepung tawar Bunga Pelangi, kapal kontena terbaru dan terbesar milik Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) di limbungan Hyundai di sini, Perdana Menteri memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa Malaysia akan meneruskan dasar yang sedia ada mengenai penyertaan ekuiti bagi pelabur asing dalam sektor pembuatan dan pelancongan untuk mencapai matlamat pertumbuhan yang dikehendaki.

Kapal seberat 59,697 tan metrik, 260 meter panjang dan 37 meter lebar dengan 4,410 TEU itu berharga AS\$221.4 juta dibina oleh Hyundai Heavy Industries Co. -- Lagi

♥28/12/12-55MST

CNS3422

U GB 28-12 00166 BA482

AAB

Mahathir - Kapal 2 Ulsan

Sambil menyifatkan upacara itu sebagai satu lagi langkah konkrit ke arah memupukkan hubungan perdagangan yang rapat antara Malaysia dan Korea Selatan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati Malaysia telah disenaraikan sebagai pusat pelaburan paling diminati di rantau ini oleh Persatuan Industri Pemasaran Korea Selatan.

+Saya mendapati pelbagai usaha perniagaan yang bagus telah wujud untuk memberifaedah kepada kedua-dua negara dalam beberapa tahun ini, + katanya.

Perdana Menteri menggesa lebih ramai lagi rakyat Malaysia menceburi bidang perkapalan antarabangsa selaras dengan tempo pembangunan perindustrian negara sekarang.

Beliau berkata pengusaha kapal Malaysia tidak seharusnya berpuas hati dengan hanya menceburi dalam sektor perkapalan dalam negeri yang sempit di mana mereka mendapat perlindungan daripada persaingan dengan syarikat-syarikat perkapalan asing di bawah dasar kaboatj.

Mereka hendaklah menganggap penyertaan dalam perkapalan dalam negeri sebagai pengalaman yang berharga untuk belajar sebelum mereka meningkat ke arena perkapalan antarabangsa yang lebih mencabar dan kompetitif, katanya.

-- Lagi

♥28/12/12-58MST

CNS3425

R GB 28-12 00174 BA483

aab

Mahathir - Kapal 3 Ulsan

Untuk mencapai ini, Perdana Menteri mencadangkan agar syarikat-syarikat perkapalan dalam negeri yang bermodal **kecil** menimbang untuk bergabung dan menubuhkan sebuah konsortium dengan syarikat perkapalan lain, **sama ada** tempatan atau luar negeri, **bagi** lebih berkesan untuk memastikan operasinya berdaya maju.

Mengenai MISC, Perdana Menteri memuji lembaga pengarah perbadanan itu kerana keputusan berani mereka melaksanakan dasar pengembangan dan peningkatan jumlah kapal sebagai menyahut seruan kerajaan.

Langkah itu akan meningkatkan jumlah **berat** kapal-kapal milik Malaysia dan yang beroperasi di negara **bagi** menyokong pembangunan perindustrian yang pesat berkembang dan kepelbagaian rakan kongsi niaga dan barangan Malaysia.

Perdana Menteri berkata adalah perlu **bagi** pembangunan perindustrian dipadankan dengan pertumbuhan dalam sektor pengangkutan, terutamanya perkhidmatan perkapalan yang **sangat** penting **bagi** pengangkutan dan penghantaran yang cekap eksport negara **pada** kadar yang ekonomik agar ianya kekal kompetitif.

Beliau berkata oleh kerana negara masih **lagi** kekurangan kemudahan tertentu, ia terus bergantung kepada syarikat perkapalan **asing** untuk mengangkut barangan perkilangan dan komoditi **lain untuk** dieksport. -- **Lagif**

▼28/12/13-16MST

CNS3450

R GB 28-12 00233 BA484

aab

Mahathir - Kapal 4 (akhir) Ulsan

Malam tadi, Perdana Menteri menyaksikan upacara menandatangani satu **lagi** kontrak membina kapal antara MISC dan Hyundai Corporation dan Hyundai Heavy Industries Co., di sini.

Kontrak itu ialah bagi membina **empat** buah kapal pengangkut pukal Panamax seberat 73,000 DWT oleh limbungan yang **sama**.

Pengerusi MISC, Tan Sri Raja Mohammad Alias Raja **Ali** mewakili perbadanan itu manakala Hyundai Corporation oleh pengkerusinya, Encik C. L. Lee dan Hyundai Heavy Industries oleh presidennya, Encik S. I. Choi.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan selepas upacara itu, MISC berkata pembinaan **empat** buah kapal itu adalah sebahagian daripada rancangan jangka panjang pemodenan dan peningkatan kapal-kapal pukal kering **bagi** memenuhi permintaan masa depan.

Penyerahan **empat** buah kapal baru itu dalam masa dua **tahun akan datang** akan menambah jumlah kapal pukal kepada **12 buah** dengan jumlah beratnya 615,540 DWT.

Katanya, dengan jumlah kapal panamax sebanyak **enam** buah, MISC berada dalam keadaan yang lebih selesa untuk **bersaing secara** berkesan dengan pengusaha perkapalan antarabangsa lain bukan sahaja **bagi** perniagaan **pasaran** terbuka tetapi juga bagi kontrak pengangkutan.

MISC kini mempunyai 51 buah kapal dengan **berat keseluruhan** sebanyak 1.5 juta DWT.

Kenyataan itu berkata perbadanan **tersebut** akan sentiasa berusaha untuk meningkat dan mengkaji komposisi kapal-kapalnya untuk menampung keperluan perniagaan yang khusus dan membantu Malaysia ke arah **menjadi** sebuah negara maritim yang penting. -- Bernama

▼28/12/14-09MST